

## **BAB 5**

### **RUMUSAN DAN KESIMPULAN**

#### **PENDAHULUAN**

Bab ini merupakan bab rumusan terakhir bagi kajian ini dalam menganalisis filem *Ketika Cinta Bertasbih* dari sudut perspektif hukum Islam. Di dalam bab ini akan dinyatakan kesimpulan keseluruhan hasil kajian ini dengan melihat kepada objektif kajian. Di samping itu akan disertakan beberapa cadangan yang mungkin sedikit sebanyak dapat membantu pihak tertentu sebagai satu usaha dalam melahirkan filem Islam di Malaysia. Walaupun pada hakikatnya filem di Malaysia belum memenuhi pentakrifan filem Islam, namun diharap kajian ini dapat memberi maklumat dan pendidikan dalam melahirkan filem Islam.

#### **RUMUSAN**

1. Terdapat sebelas kaedah fiqh yang perlu dipatuhi dalam melahirkan filem Islam. Kaedah-kaedah tersebut adalah “asal bagi setiap sesuatu adalah mubah”, “menentukan halal haram adalah hak Allah s.w.t. semata-mata”, “mengharamkan yang halal dan sebaliknya sama dengan syirik”, “mengharamkan yang halal akan berakibat timbulnya bahaya”, “setiap yang halal tidak memerlukan yang haram”, “apa saja yang membawa kepada haram adalah haram”, “membuat tipu helah dalam hal yang haram, hukumnya adalah haram”, “niat yang baik tidak menghalalkan yang haram”, “menjauhi diri dari syubhah kerana takut terlibat dalam haram”, “sesuatu

yang haram berlaku ke atas semua orang” dan yang terakhir adalah “keadaan darurat membenarkan perkara yang dilarang”.

2. Filem *Ketika Cinta Bertasbih* merupakan hasil pemikiran Habiburrahman El-Shirazy untuk menyampaikan dakwah Islam. Filem yang berlatar belakangkan suasana di Mesir dan Indonesia ini memilih pelakon dengan begitu teliti, terutama yang boleh membaca Quran. Unsur-unsur penceritaan filem ini, ia menggambarkan suasana pelajar di al-Azhar, percintaan mengikut lunas-lunas Islam, kasih sayang dalam kekeluargaan dan hubungan kemasyarakatan. Selain itu terdapat dialog yang mempunyai unsur pengajaran yang berkaitan hukum-hukum yang mungkin belum pernah masyarakat mengetahuinya. Kemunculan filem ini dan sambutan penonton memperlihatkan filem Islam mula mendapat tempat di persada perfileman.

3. Hasil analisis yang dilakukan terdapat elemen filem *Ketika Cinta Bertasbih* ada yang harus, syubhah dan haram. Hukum haram di sini lebih kepada slot babak tertentu tanpa mengharamkan keseluruhan babak, namun sebagai filem Islam kita perlu lebih berhati-hati agar menjauhi segala unsur-unsur haram mahupun syubhah. Namun secara keseluruhan hukumnya adalah harus. Perkara-perkara harus ini boleh dijadikan contoh kepada filem-filem lain, manakala perkara yang haram serta syubhah perlu ditinggalkan dan dijadikan sempadan agar kita tidak mengulangi kesilapan yang sama.

4. Antara beberapa perkara contoh yang boleh kita ambil dari analisis filem ini adalah seperti berikut:

- i. Filem Islam perlu bermula dengan niat yang ikhlas kerana Allah s.w.t., maka oleh itu ia perlu halal dari unsur-unsur haram. Walau bagaimanapun niat yang ikhlas atau niat yang baik bukan tiket bagi menghalalkan unsur haram. Perkara haram tetap haram dan tidak akan berubah walaupun berniat baik. Filem dakwah tidak akan mampu menjadi risalah Islam jika terdapat unsur haram.
- ii. Filem Islam perlu bersih dari perkara-perkara haram malah ia juga perlu bersih dari perkara-perkara syubhah. Sesebuah filem itu tidak dikenali sebagai filem Islam atau filem dakwah jika masih terdapat keraguan dari aspek hukum, kerana takut boleh jatuh ke lembah haram.
- iii. Filem Islam perlu berperanan mengajak penonton bersama-sama menghayati ajaran Islam serta meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah s.w.t. Penggiat filem perlu memastikan filem mereka mampu menjadi risalah dakwah serta setiap apa yang disampaikan mesti bersih dari unsur bertentangan dengan akidah, syariah dan akhlak Islam serta perkara-perkara syubhah.
- iv. Filem Islam perlu berhati-hati agar tidak menyalahi syariah atau akidah Islam, kerana seseorang itu mungkin boleh sampai mengeluarkan hukum yang tidak diterima mana-mana ulama atau melakukan perkara yang boleh merosakkan iman. Paling bahaya adalah isu berkaitan akidah, kerana perkara-perkara akidah tidak boleh dipertainkan secara nyata mahupun lakonan. Hal ini kerana akidah boleh terbatal dengan sebab iktikad atau perkataan ataupun perbuatan.

v. Filem Islam perlu bersih dari ikutan-ikutan lama yang tidak berasas, kerana takut berlaku syubhah selagi mana tidak ada sumber atau dalil yang dapat membuktikan. Malah paling bahaya kita takut kepercayaan lama ini boleh merosakkan akidah umat Islam. Apatah lagi jika ada yang cuba menghalalkan perkara yang haram atau sebaliknya.

vi. Filem Islam perlu menjadi media pendidikan kepada masyarakat serta menjadi ikutan kepada penggiat filem yang lain. Dakwah yang disampaikan perlu lebih jelas agar tidak berlaku salah faham atau fitnah yang lebih buruk. Jika tidak dapat memberi penjelasan yang lebih jelas maka lebih baik ia di jauhi atau digantikan dengan *input* yang lain tetapi masih boleh memberi pengajaran kepada semua.

vii. Filem Islam adalah produk halal dan sebahagian dari hasil seni. Oleh itu dalam menghasilkan seni semua ini bergantung kepada kreativiti pengarah dan penulis skrip filem, kerana mereka perlu kreatif dalam menghasil dan mengolah suatu penceritaan yang menarik tetapi halal di sisi syarak.

viii. Mereka yang terlibat dalam pembikinan filem perlu mempunyai ilmu Islam atau memahami kaedah-kaedah asas halal dan haram agar dapat membezakan antara unsur halal dan haram. Selain itu penggiat filem juga perlu memahami ilmu dakwah yang sebenar, kerana tidak semua perkara atau masalah boleh diselesaikan dengan *uslub* yang sama.

ix. Filem Islam perlu memainkan peranan penting dalam memartabatkan agama Islam, agar masyarakat yang bukan beragama Islam dapat memahami dan mendalami

ajaran Islam. Oleh itu sudah pasti salah satu usaha umat Islam adalah dengan memberi kesedaran dan kefahaman sebenar terhadap Islam melalui media massa terutamanya filem.

x. Filem Islam perlu berhati-hati dalam mengeluarkan sesuatu pandangan terutama pandangan yang tidak biasa didengar dan diamalkan oleh masyarakat. Hal ini kerana ia boleh menyebabkan fitnah kepada filem tersebut serta memberi kesan buruk kepada penonton. Penjelasan perlu dilakukan agar penonton benar-benar dapat memahami maksud sebenar isu yang ingin disampaikan, kerana tidak semua penonton mempunyai asas ilmu Islam yang cukup. Hal ini boleh menyebabkan salah faham terhadap ilmu baru yang ingin disampaikan.

## **SARANAN**

1. Masalah yang sedang berlaku di negara kita adalah tiada kerjasama di antara penggiat filem dengan golongan agamawan ataupun ulama dalam industri. Jika usaha penyatuan ini masih tidak ada, penulis yakin kajian ini hanya akan menjadi satu kajian yang tersimpan di perpustakaan sahaja, tanpa dimanfaatkan oleh mana-mana industri filem. Oleh itu penulis ingin menyarankan badan-badan kerajaan mahupun NGO agar memperbanyakkan bengkel atau seminar Filem Islam dengan meminta penggiat filem turut hadir bersama bagi menguraikan salah faham mereka terhadap golongan agamawan atau ulama dalam industri filem, serta agar mereka dapat memahami maksud sebenar pentakrifan filem Islam.

2. Selain itu untuk melahirkan hubungan kerjasama ini, penulis cadangkan agar diwujudkan sebuah badan penasihat syariah filem. Badan ini bertugas sebagai penasihat kepada industri filem bagi melahirkan filem yang tidak tersasar dari syarak. Walau bagaimanapun kelahiran badan ini, bukan bertujuan untuk menafikan peranan dan tugas Penapis Filem Negara. Ia seperti sebuah bank yang masih memerlukan penasihat syariah walaupun bank-bank ini telah dikawal oleh Bank Negara. Oleh itu penasihat-penasihat yang dipilih ini bukan sahaja mahir dalam bidang hukum malah mereka memahami selok-belok pembikinan sesebuah filem. Jika badan ini mungkin sukar direalisasikan, penulis sarankan agar ada golongan agamawan atau ulama yang ditempatkan di dalam Penapis Filem Negara.

3. Salah satu lagi penemuan penulis semasa menjalankan kajian ini ialah sesetengah penggiat filem tidak memperakui perlu adanya istilah Filem Islam, bagi mereka 'filem adalah filem'. Oleh itu untuk membuka minda mereka yang disaluti dengan fahaman sekular ini, penulis sarankan agar penggiat filem di negara kita untuk menilai, mengkaji dan mencontohi filem-filem Iran. Kerana filem-filem Iran boleh dikategorikan sebagai Filem Islam yang terbaik. Sebagai contoh filem *Children of Heaven* yang mengisahkan tentang sepasang kasut yang digarap penuh emosi, tetapi filem ini mampu berjaya memenangi anugerah Oscar pada tahun 1999.

## **PENUTUP**

Filem Islam mampu menjadi salah satu medium dakwah sama ada kepada umat Islam mahupun bukan Islam. Namun filem Islam perlu bersih dari perkara-perkara haram dan syubhah, jika masih terdapat unsur-unsur ini ia tidak mampu menjadi

medium dakwah Islam. Bagi menghasilkan filem Islam, ia perlu bermula dari proses pencarian bahan mentah, pembikinan, penyuntingan, penilaian sehingga ke peringkat tayangan filem perlu bersih dari perkara-perkara yang bertentangan dari sudut syariah, akhlak dan akidah.

## BIBLIOGRAFI

### QURAN

### BUKU BAHASA MELAYU:

`Abdu al-Mudjib (2010) *Kaidah-kaidah Ilmu Fiqih*, Cet. 8, Jakarta: Kalam Mulia.

Abdul Basit Abdu Rahman (2012), *Keindahan Islam*, Cet. 1, Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.

Abdul Ghani Azmi Idris (1999), *Himpunan Hadis Dha'if dan Maudhu'*, Kuala Lumpur: al-Hidayah Publishers, jil. 2.

Abdul Ghani Samsudin et al. (2001), *Seni Dalam Islam*, Cet. 1, Selangor: Intel Multimedia and Publication.

Abdul Wahab Hamzah (2003), "Audien: Sikap dan Harapan Audien Filem Malaysia" Dalam Ramli Mohamed (Eds.), *Sinema dan Penonton Di Malaysia*, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

Abdullah Said et al. (2011) *Teras Kemuliaan Islam*, Cet. 3, Melaka: Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam, UiTM.

Ahmad Sabiq Bin Abdul Lathif Abu Yusuf (2011), *Kaedah-Kaedah Praktis Memahami Fiqih Islami*, Cet. 2, Gresik: Pustaka Al Furqon.

Ahmad Sunawari Long (2008), *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*, Cet. 4, Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Akhmad Muhaimi Azzet (2011), *Kahwin Sekarang Siapa Takut!*, Cet. 1, Seri Kembangan: PS Potensi Enterprise.



Anisah Sarji et al. (1996), *Pola Pengamalan Profesionalisme dalam Industri Filem Malaysia*, Kuala Lumpur: Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS).

Anuar Nor Arai (2007), *Kumpulan Esei dan Kritikan Filem*, Cet. 1, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Asiah Sarji et al. (1997), *Keadaan dan Permasalahan Penulisan dan Penulisan Skrip*, Kuala Lumpur: Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS).

Asnaini (2008), *Zakat Produktif dalam Perspektif Hukum Islam*, Cet. 1, Yogyakarta: Pustaka Pelajar.

Engku Ibrahim Ismail dan Abdul Ghani Shamsudin (1992), *Konsep Seni dalam Islam*, Cet.1, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu.

Fauziah Kartini Hassan Basri et al. (2009), *Penonton Filem Cereka Di Malaysia: Tingkah Laku, Citrarasa, Persepsi Dan Harapan*, Cet. 1, Ampang: Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS).

Habiburrahman El-Shirazy (2007), *Ketika Cinta Bertasbih*, Cet. 1, Kuala Lumpur: Ar Risalah Product Sdn. Bhd..

Haron Din (1985), *Manusia dan Agama*, Pulau Pinang: Dorong-UBS Sdn. Bhd.

\_\_\_\_\_ (2010), *Rawatan Penyakit-Penyakit Rohani*, Cet. 1, Bangi: Darussifa' Berhad.

Idris Awang (2009), *Penyelidikan Ilmiah Amalan Dalam Pengajian Islam*, Cet. 1, Shah Alam: Kamil & Shakir Sdn. Bhd.

Manshur Abdul Hakim (t.t.), *Doa Yang Dikabulkan Allah*, Kuala Lumpur: Synergy Media.

Mansor Ahmad Saman (1983), *Satu Kumpulan Esei: Media di Malaysia*, Cet. 1, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Misbah Em Majidy (2011), *Bercinta Kerana Allah*, Cet. 1, Sg. Buloh: Kemilau Publika Sdn Bhd.

Mohd Faizal P.Ramlee et al. (2011) *Tamadun Islam: Pemikiran dan Sejarah Perkembangan*, Melaka: Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam, UiTM.

Mohd Shafie Abu Bakar (1991), *Metodologi Penyelidikan Untuk Ekonomi dan Bidang-Bidang Berkaitan*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mohd Yusof Hussain (1988) *Peranan Media Massa dalam Menyampaikan Risalah Islam*, Cet. 1, Serdang: Universiti Pertahanan Malaysia.

Muhammad Ali Imran (1995), *Tawakkal: Hakikat Penyerahan Diri Seseorang Hamba Terhadap al-Khaliq Azza Wajalla*, Cet. 1, Kuala Lumpur: Era Ilmu Sdn Bhd.

Muhammad Hafizi Hasbullah (2010), *Keajaiban Bersyariat dan 20 Tanda-tanda Murtad : Penghalang dan Puncanya*, Cet. 1, Rawang: Pustaka Ilmuan.

Muhammad Hatta Muhammad Tabut (2002), “Kandungan dan Teknik: Unsur-unsur yang Mempengaruhi Filem Tempatan”, Dalam Ramli Mohamed (Eds.), *Sinema dan Penonton Di Malaysia*, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

---

\_\_\_\_\_ (2002), *Dari Idea ke Skrin: Teknik Penerbitan Filem*, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

---

\_\_\_\_\_ (2006), “Liku-liku Pembikinan Filem”, Dalam Mohamad Md. Yusoff et al. (Eds.), *Dinamika Media Dan Masyarakat Malaysia*, Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.

N. M. A. Qurashi (2003), “Mengenali Sebuah Filem”, Dalam Ramli Mohamed (Eds.), *Sinema dan Penonton Di Malaysia*, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

Naim Haji Ahmad (2011), *Filem Islam Satu Pembicaraan*, Shah Alam: Uni-N Production Sdn. Bhd.

- \_\_\_\_\_ (2006), Pembudayaan Budaya Filem dalam Pendidikan: Filem dari Aspek Aplikasi, dalam Naim Hj Ahmad (Eds.), *Bicara Media 1*, Cet. 1, Nilai: Penerbit KUIM.
- Nik Abdul Rahman Nik Abdul Ghani (2008), *Soal Jawab Remeh-Temeh Tentang Akidah Tapi Anda Malu Bertanya*, Cet. 1, Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn Bhd.
- Noor Shakirah Mat Akhir (2006), “Dakwah dan Cabaran Teknologi Maklumat”, Dalam Mohamad Md. Yusoff et al. (Eds.), *Isu Dan Cabaran Media Di Malaysia*, Pulau Pinang: Penerbitan Universiti Sains Malaysia.
- Noraini Ismail et al. (2012), *Islam dan Komunikasi*, Cet. 1, Melaka: Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam, UiTM.
- Samsuddin A. Rahimin (2003), *Komunikasi Asas*, Cet. 3, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sidi Gazalba (1983), *Islam dan Perubahan Sosiobudaya*, Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Yūsuf al-Qarḍāwī (2006) “Menyanyi dan Muzik : Sudut Pandangan Islam”, Dalam al-Muqari Othman Hamzah (Eds.), *Fatwa Menempuh Kehidupan Moden*, Petaling Jaya: Gading Kreatif.
- Zulkiple Abd Ghani (2010) *Dakwah Dalam Era Siber di Malaysia*, Cet. 1, Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.

## **KITAB BAHASA ARAB**

- Abū `Abdu`l-Raḥman Aḥmad bin Syu`ib bin `Alī al-Khurāsānī, al-Nisā`ī (1986), *al-Mujtabā Min al-Sunni: al-Sunan al-Saghirī Lil-Nisā`ī*, Ditahqiq oleh `Abdu`l-Fatāh Abū Qhidah, Halab: Maktabah al-Maṭbū`āt al-Islāmīyyah, Juz. 8.
- Abū `Abdu`llāh Aḥmad bin Muḥammad bin Ḥanbal bin Hilāl bin Asad al-Syaybanī (2001), *Musnad al-Imām Aḥmad bin Ḥanbal*, Ditahqiq oleh Syua`ayb al-Arna`ut, Muassasah al-Risālah, Juz. 36.

Abū Aḥmad Ḥamīd bin Mukhlid bin Qatībah bin `Abdu`Llāh al-Kharsānī al-Ma`rūf Biibni Zanjūwīyyah (1986), *al-Amwāl Liibni Zanjūwīyyah*, Ditaḥqīq oleh Syākir Zayb Fiyād al-Ustāz al-Sā`id, Saudi: Markaz al-Malik Faysal Lil-Bahhūth wa al-Dirāsāt al-Islāmīyyah, Juz. 2.

Abū al-Fadāi` Ismā`il bin `Umar bin Kathīr al-Qarsyī al-Başrī (1999), *Tasfīr al-Qurān al-`Azīm (Ibnu Kathīr)*, Ditaḥqīq oleh Sāmī bin Muḥammad Salāmah, Beirut: Dār Tībah Lil-Nasyir wa al-Tawzī`, Juz. 1.

Abū al-Fadāi` Ismā`il bin `Umar bin Kathīr al-Qarsyī al-Başrī (t.t), *Tafsir Ibnu Kathīr*, Ditaḥqīq oleh Muḥammad Ḥussīn Syamsu`l-Dīn, Beirut: Dār al-Kitab al-`Alamīyyah, Juz. 4.

Abū Dāwud Sulaymān bin Dāwud bin al-Jārūd al-Tayālīsī al-Basrī (1999), *Musnad Abū Dāwud al-Tayālīsī*, Ditaḥqīq oleh Dr. Muḥammad bin `Abdu al-Muḥsin al-Turkī, Mesir : Dār Hijr, Juz. 3.

Abū Muḥammad al-Ḥussīn bin Mas`ūd bin Muḥammad bin al-Firā` al-Baghawī al-Syāfi`ī (1983), *Syarah al-Sunnah*, Ditaḥqīq oleh Syu`ib al-Arnu`wat, Beirut: al-Maktabah al-Islāmī, Juz. 8.

Abū Ūthmān Sa`īd bin Mansūr bin Syu`bah al-Khurāsānī al-Jawzjānī (1997), *al-Tafsīr min Sunan Sa`īd bin Mansūr*, Ditaḥqīq oleh Sa`īd bin `Abdu`Llāh bin `Abdu`l-`Azīz, Dār al-Samī`ī Lil-Nusyur wa al-Tauzī`, Juz. 2.

Al-Qarāfi (t.t), *al-Furūq*, Juz. 2, Beirut: Dār al-Kitāb al-`Alamīyah.

Abu al-Qasim `Abd al-Malik Bin Muhammad Bin `Abd Allah Bin Basyran Bin Muhammad Bin Basyran Bin Mahran al-Baghdadi (1999), *Amali Ibn Basyran*, al-Riyad : Dar al-Watan, Juz. 1.

Ibnu Mājah Abū `Abdu`Llāh Muḥammad bin Yazīd al-Qazwīnī (t.t), *Sunan Ibnu Mājah*, Ditaḥqīq oleh Muḥammad Fu`ād `Abdu`l-Bāqī, Dār Ihyā` al-Kutub al-`Arabīyyah, Juz. 2.

Ibrāhīm Muḥammad Maḥmud al-Harīrī (1998), *al-Madkhul Ilā al-Qawā'id al-Fiqhīyyah al-Kullīyyah*, Dār `Umār Lil-Nusyur wa al-Tauzī`.

M. Walid Jadda` (1989), *al-Mawqif min Sīnemā Islāmīyyah*, Kaherah: Dār al-Wafā` Lil-Ṭibā`ah wa al-Nasyr.

- Mahmud Tahhan (1984), *Taysir Mustolah al-Hadith*, Kuwait : Dar al-Turath.
- Mu`ammar bin Abī `Amrū Rāsyad al-Azdī (t.t), *al-Jāmi'*, Ditahqiq oleh Habību'l-Rahman al-`Āzamī, Beirut: al-Majlis al-`Alamī Bibākistāni, Juz. 11.
- Muḥammad bin Ḥibbān bin Aḥmad bin Ḥibbān bin Mu`āz bin Ma'bad (1993), *Ṣoḥīḥ Ibnu Ḥibbān Bitartīb Ibnu Balbān*, Ditahqiq oleh Syu`ib al-Arna'ut, Beirut: Muassasah al-Risalah, Juz. 9.
- Muḥammad bin `Īsā bin Sawrah bin Mūsā bin al-Dahhāk al-Tirmidhī Abū `Īsā (1998), *Sunan al-Tirmidhī*, Ditahqiq oleh Bassyār 'Awwād Ma'rūf Juz. 2.
- Muḥammad bin Ismā`īl Abū `Abdi'LLāh al-Bukhārī al-Ja'fī (t.t.), *Ṣoḥīḥ al-Bukhārī*, Ditahqiq oleh Muḥammad Zahīr Bin Nāṣir al-Nāṣir, Dār Tūwq al-Najāh, Juz 2.
- Muḥammad Quṭb (1980), *Manahij al-Fann al-Islāmī*, Kaherah: Dār al-Syurūq.
- Muḥammad Rāsyid Reḍā (1970), *Fatāwā al-Imām Muḥammad Rāsyid Reḍā*, Ṣalāhu'l-Dīn al-Munjid (Eds.), Beirut: Dār al-Kitab al-Jadīdah.
- Muslim bin al-Hajjāj Abū al-Ḥasan al-Qusyayrī al-Naysābūrī (2003), *Saḥīḥ Muslim*, Ditahqiq oleh Muḥammad Fu`ād `Abdu al-Bāqī, Dār Ihyā' al-Turāth al-`Arabī, Juz. 3.
- Muṣṭofā al-Khin & Muṣṭofā al-Bughā (2000) *Fiqh al-Manhajī*, Damsyik: Dār al-Qalam.
- Nur al-Din Muhammad `Atar al-Hulbi (1993), `Ulum al-Quran al-Karim, Damsyik : Mutba`ah al-Sabah, Juz. 1.
- Saīyid Sābiq (t.t.), *Fiqh al-Sunnah*, Kaherah : al-Fatah Lil`ilām al-`Arabī, Juz. 1.
- Yusuf Ahmad Muhammad al-Badwi (2000), *Maqasid al-Syari`ah `Inda Ibn Taimiyah*, al-Nasyir : Dar-Nafais.
- Yūsuf al-Qarḍāwī, (1997), *al-Ḥalāl wa al-Ḥarām fī al-Islāmi*, Kaherah: Maktabah Wahbah.

## BUKU BAHASA INGGERIS

E. Dmytryk (1984), *On Screen Directing*, Boston: Focal Press.

## BUKU TERJEMAHAN

`Aidh `Abdu`Llah al-Qarnī (2008), *Indahnya Cinta* (terj.), Cet. 1, Kuala Lumpur : al-Hidayah Publication.

L. John Martin dan Anju Grover Chaudhary (1997), *Sistem Media Massa Suatu Perbandingan* Bukhory Haji Ismail (terj.), Cet. 1, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Muḥammad al-Syarbanī al-Khatib (2008) *al-Īqna'* (terj), Cet.1, Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa, Juz 1-2.

Muṣṭafā `Abdu al-Raḥman (2001), *Hadith 40* (terj.), Cet. 5, Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar.

Yūsuf al-Qarḍāwī (2008), *al-Īslāmu Wa al-Fannu* (terj.), Cet. 3, Kuala Lumpur : al-Hidayah Publications.

\_\_\_\_\_ (2005), *Fikih Hiburan* (terj.), Cet. 1, Jakarta: Pustaka al-Kauthar.

## JURNAL:

Abdullah Yusof et. al. (2010), “Konsep Feminisme Islam Di Dalam Filem Ketika Cinta Bertasbih” dalam *Jurnal Al-Tamaddun*, Bil. 5, Universiti Malaya: Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam.

Abdullah Yusof (2000), Industri Hiburan dalam Islam: Analisis Dari Sudut Persejarahan Awal dan Penilaian Hukum, dalam *Jurnal Syriah*, Jil. 8, Bil. 1, Kuala Lumpur: Bahagian Pengajian Syariah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

## **TESIS:**

Aba Yazid (2004), “Implementasi Teori *Maqāṣid al-Syarī`ah* Terhadap Konsep Nikah dan Hak-Hak Wanita”, (Tesis Ijazah Sarjana, Bahagian Pengajian Bersama, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

Nabilah Mohd Razif (2012), “*Unsur-unsur Islam dalam Drama TV Bersiri: Kajian Terhadap Drama Nur Kasih*”, (Tesis Master, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

Nursyazrin Nazree Mudeen (2012), “*Mesej dakwah dan metode Al-Maw'izah Al-Hasanah dalam filem my name is Khan dan Jodhaa Akbar*”, (Tesis Master, Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

## **KERTAS PERSIDANGAN:**

A.Wahab Hamzah (2005), “*Penyelesaian Islam Dalam Filem Tempatan*”, (Kertas Persidangan Seminar Kebangsaan Pemikiran Kebudayaan dan Islam di Kuala Lumpur, 18-20 November 2005).

Abdullah Yusof et al. (2010), “*Konsep Feminisme Islam di Dalam Filem Ketika Cinta Bertasbih*”, (Kertas Persidangan Antarabangsa Islam Dalam Masyarakat Malaysia di Universiti Malaya, 5-6 Oktober 2010).

Engku Ibrahim Engku Ismail & Abd Ghani Shamsuddin (1990), “*Konsep Seni dalam Islam*”, (Kertas Persidangan Seminar Islam dan Kesenian di Universiti Malaya, 5-8 November 1990).

Hasan Hayastani (2009), “*Filem Sebagai Ar-Risalah: Metamorfosis Sinema Melayu*”, (Kertas Persidangan Seminar Forum Sastera Popular Islam di Pusat Dagangan Dunia Putra, 26 April 2009).

Md Hashim Hj. Yahya, Md. Afandi Awang & Tuan Anuar Nik Him (1990), “*Kesenian Dari Sudut Syariah*” (Kertas Persidangan Seminar Islam dan Kesenian di Universiti Malaya, 5-8 November 1990).

Naim Haji Ahmad (2008), “*Ke Arah Membentuk Definisi dan Konsep Islam*” (Kertas Persidangan Bengkel Falsafah dan Dasar Komunikasi Negara Beteraskan Islam Hadari di Universiti Kebangsaan Malaysia, Feb 2008).

\_\_\_\_\_ (2010), “*Ke Arah Membentuk Definisi dan Konsep Filem Islam*”, (Kertas Persidangan Bengkel *Fiqh* Penyiaran di Institut Latihan Islam Malaysia, 6 Jun 2010).

Siti Ruqayah Tibek (1999), “*Seni Lakonan (Drama, Teater dan Filem) Dari Perspektif Islam*”, (Kertas Persidangan Seminar Kebangsaan Islam dan Rekreasi di Kuala Lumpur, 23-24 September 1999).

#### **SURAT KHABAR / MAJALAH:**

*Berita Harian*, Jun 22, 2010, “Buat Filem Juga Dakwah”.

*Berita Harian*, Mei 23, 2012 “Pengaruh Rayu Jangan Lihat Aksi Negatif Saja”.

Fadlan Mohd Othman (2011) *Industri Lakonan dan Perspektif Islam*, dalam Mohd Adib Mohd Sidek (Eds), *Majalah I*, Shah Alam: Grup Majalah Karangkrak Sdn. Bhd.

Lihat lidah pengarang *Berita Minggu* (17 April, 1977)

*Risalah Bil.* (34) Dlm. MKB/6/1982 (Siri : 34/90), Edaran Pejabat Mufti Negara Brunei Darussalam, 4 Ogos 1990.

*Utusan Malaysia*, Julai 4, 2010, “Ya, memang saya berbogel - Arja Lee”.

#### **LAMAN WEB:**

Hadith - Larangan Tidur Selepas Subuh?,  
<http://www.youtube.com/watch?v=YAMbtnK76WY>.

My Metro, Rap,  
[http://www.hmetro.com.my/articles/Puasjayawataklelaki\\_wanitaidaman/Article](http://www.hmetro.com.my/articles/Puasjayawataklelaki_wanitaidaman/Article).



My Metro, Selebriti,  
<http://www.hmetro.com.my/myMetro/articles/Bukanfilem18SX/Article>.

My Metro, Setempat,  
<http://www.hmetro.com.my/myMetro/articles/Karyausahabaisyariat/Article>.

Utusan, Arkib,  
[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1220&pub=Utusan\\_Malaysia &sec=Terkini&pg =bt\\_14](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1220&pub=Utusan_Malaysia&sec=Terkini&pg=bt_14). Htm.

### **TEMUBUAL:**

Ahmad Faizal Hussien, Penggiat Filem, Temu bual pada 24 Mac 2011.

Chaerul Umam, Pengarah Filem Ketika Cinta Bertasbih, Temu bual pada 30 Oktober 2012.

Jef Hazimin, Penggiat Filem, Temu bual pada 24 Mac 2011.

Habiburrahman el-Shirazy, Kajian ini Skrip Filem Ketika Cinta Bertasbih, Temu bual pada 31 Oktober 2012.

## LAMPIRAN

### Soalan Temu Bual Kepada Habiburrahman El-Shirazy

1. Mengapa menulis skrip *Ketika Cinta Bertasbih* setelah menulis novelnya? Adakah Tuan melihat ia sebagai satu kaedah komersial atau keperluan terhadap perkembangan filem masa kini?
2. Adakah beza antara filem *Ketika Cinta Bertasbih* dengan filem pertama *Ayat-Ayat Cinta*?
3. Mengapa Tuan terlibat secara langsung dalam pembikinan filem *Ketika Cinta Bertasbih* berbanding *Ayat-Ayat Cinta*? Sejauh manakah Tuan terlibat dalam pembikinan filem ini? Terutama pemilihan pengarah, pelakon, krew penggambaran, dan pemilihan lagu?
4. Bagaimanakah proses pembikinan filem *Ketika Cinta Bertasbih* dilaksanakan? Adakah ia semudah novel berbanding skrip?
5. Sepanjang penggambaran dilaksanakan, apakah pandangan Tuan terhadap pelaksanaan filem ini? Adakah Tuan berpuas hati atau tidak? Kenapa?
6. Adakah Tuan berpandangan filem *Ketika Cinta Bertasbih* merupakan filem yang boleh dijadikan panduan untuk filem-filem Islam yang lain?
7. Apakah pandangan Tuan terhadap masa depan filem Islam dan adakah Tuan akan terus menulis filem-filem berunsurkan cinta sedemikian?
8. Apakah harapan tuan terhadap penulis dan pembikin filem masa kini?

## Soalan Temu Bual Kepada Chaerul Umam

1. Bolehkah Bapak menceritakan serba sedikit biodata diri Bapak?
2. Sudah berapa lama Bapak terlibat secara langsung dalam dunia pembikinan filem?
3. Apakah filem yang pertama dan terbaru di bawah pengarahannya Bapak?
4. Adakah filem *Ketika Cinta Bertasbih* merupakan filem pertama Bapak berkerjasama dengan saudara Habiburrahman?
5. Adakah filem *Ketika Cinta Bertasbih* merupakan cetusan idea dari Bapak ataupun saudara Habiburrahman?
6. Apakah masalah yang dihadapi oleh Bapak ketika mengarah filem *Ketika Cinta Bertasbih*?
7. Mengapa Bapak memilih skrip *Ketika Cinta Bertasbih* sebagai salah satu filem di bawah arahan Bapak? Adakah Bapak melihat ia sebagai satu kaedah komersial atau keperluan terhadap perkembangan filem masa kini?
8. Sejauh manakah Bapak terlibat dalam pembikinan filem ini? Terutama pemilihan skrip, pelakon, krew penggambaran dan pemilihan lagu?

9. Bagaimanakah proses pembikinan filem *Ketika Cinta Bertasbih* dilaksanakan? Adakah ia semudah filem lain di bawah arahan Bapak?
10. Sepanjang penggambaran dilaksanakan, apakah pandangan Bapak terhadap pelaksanaan filem ini? Adakah Bapak berpuas hati atau tidak? Kenapa?
11. Adakah Bapak berpandangan filem *Ketika Cinta Bertasbih* merupakan filem yang boleh dijadikan panduan untuk filem-filem Islam yang lain?
12. Apakah pandangan Bapak terhadap masa depan filem Islam dan adakah Bapak akan terus mengarah filem-filem berunsurkan cinta sedemikian?
13. Apakah harapan Bapak terhadap penulis dan pembikin filem masa kini?

### **Soalan Temu Bual Kepada :**

1. Profesor Dr. Naim Hj Ahmad
  2. Profesor Madya Dr. Abu Hassan Bin Hasbullah
  3. Abu Hassan Morad
  4. Ahmad Fizal Bin Hussin
  5. Jef Hazimin Jaafar
- 
1. Adakah beza antara filem Islam dan filem berunsur Islam ?
  2. Jika ada perbezaan antara filem Islam dan filem berunsur Islam, apakah perbezaan tersebut ?
  3. Adakah Malaysia telah berjaya melahirkan filem Islam?
  4. Jika tidak, apakah punca Malaysia gagal melahirkan filem Islam?
  5. Melihat kepada industri perfileman di Malaysia sekarang, mampukah ulama-ulama kita turut berkerjasama dalam pembikinan sesebuah filem?
  6. Jika ianya tidak mampu, apakah penyebabnya dan apakah cadangan untuk mengatasinya?
  7. Adakah wajar Malaysia melahirkan sebuah agensi syariah yang menjadi penasihat kepada industri perfileman?

8. Adakah perlu majlis fatwa meletakkan syarat untuk dipatuhi oleh industri perfileman ?
9. Adakah filem Ketika Cinta Bertasbih mampu menjadi contoh filem Islam ?
10. Adakah wujud filem-filem lain yang boleh menjadi contoh filem Islam, jika ada apakah filem-filem itu ?



**Bergambar Bersama Habiburrahman El-Shirazy**



**Bergambar Bersama Ahmad Fizal Bin Hussindan**



**Bergambar Bersama Jef Hazimin Jaafar**



**Bergambar Bersama Profesor Dr. Naim Hj Ahmad**





**Bergambar Bersama Abu Hassan Morad**



**Bergambar Bersama Profesor Madya Dr. Abu Hassan Bin Hasbullah**